



TEKS UCAPAN
YANG AMAT BERTHORMAT
DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) ABANG HAJI
ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN
TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
PREMIER SARAWAK
merangkap
PRO-CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
DI MAJLIS KONVOKESYEN UNIMAS KALI KE-27

Bismillahirrahmanirrahim,

**Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima
Sulong Matjeraie**

Pengerusi, Lembaga Pengarah UNIMAS.

**Yang Berbahagia Professor Datuk Dr Mohamad
Kadim Suaidi**

Naib Canselor UNIMAS.

Naib-Naib Canselor dan Rektor Universiti-Universiti Awam dan wakil, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Timbalan-Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Penolong Naib Canselor, Pengurusan Utama Universii, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para ibu bapa serta para graduan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, yang dengan izin dan rahmat-Nya juga, dapat kita bertemu dan berhimpun di Arena Gemilang, Detar Putra, UNIMAS sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kali ke-27.
2. Penganjuran majlis konvokesyen ini merupakan istiadat terpenting yang amat dinanti-nantikan oleh bakal graduan, ibu bapa dan warga Universiti secara keseluruhannya. Pada hari ini, penat lelah para mahasiswa, dalam menuntut ilmu pengetahuan di UNIMAS, terbalas dan diraikan dalam majlis yang penuh gilang gemilang ini.
3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua bakal graduan. Berkat daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi alam pengajian, segala usaha dan pengorbanan saudara saudari menimba ilmu di UNIMAS akhirnya berjaya membuahkan hasil. Pada hari ini anda semua diberi penghormatan untuk

menaiki pentas ini bagi menerima ijazah masing-masing. Percayalah, kejayaan yang ditempa pada hari ini merupakan permulaan dalam mencipta kejayaan dan kecemerlangan yang lebih besar dalam kehidupan saudara saudari. Perlu diingat, proses pembelajaran dan menimba ilmu bukan terhenti di saat anda bergraduasi. Ia adalah proses dinamik yang berterusan. Justeru, jika ada peluang untuk melanjutkan pelajaran, maka rebutlah peluang tersebut. Jadikan ilmu sebagai bekalan hidup untuk menjadi insan yang dapat berbakti kepada agama, keluarga, bangsa dan negara.

4. Kepada semua ibu bapa dan penjaga yang hadir pada majlis ini, sekalung penghargaan dan tahniah saya titipkan atas kejayaan anak-anak tuan/puan di majlis yang penuh bermakna ini. Segala pengorbanan yang telah diberikan selama ini, akhirnya membuahkan hasil serta menjadi kebanggaan kepada keluarga, bangsa dan negara.

5. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada para pensyarah dan warga kerja UNIMAS, yang sentiasa bertungkus-lumus dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelajar, termasuk penyediaan suasana pengajian yang kondusif di universiti ini. Saya yakin, segala ilmu yang diperolehi di UNIMAS, akan dipraktikkan sebaik mungkin oleh bakal graduan apabila mereka menempuh alam pekerjaan kelak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Selaku Pro-Canselor, saya amat berbangga dengan pencapaian UNIMAS dalam bidang pengajaran, penyelidikan serta komitmen yang berterusan terhadap kelestarian komuniti setempat. Saya juga amat berharap sumbangan yang signifikan ini dapat membantu usaha-usaha kerajaan negeri dalam menjadikan Sarawak, sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2030.

7. Keberadaan UNIMAS di Bumi Kenyalang sepanjang 30 tahun ini, turut memberi sumbangan dengan membantu kerajaan negeri dalam melaksanakan pembangunan di kawasan luar bandar. Saya amat berbangga kerana UNIMAS begitu menekankan pemerksaan komuniti di kawasan luar bandar, melalui pelbagai pelan strategik dan juga projek berasaskan komuniti yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Antaranya, Projek-projek *University Social Responsibility (USR)*, *Service Learning Malaysia KPT (SULAM) Dana Lestari*, *Knowledge Transfer*, *Technology Transfer* dan *Sustainability Initiatives* serta Program KPT Prihatin Madani membuka ruang dan peluang untuk mengadakan jaringan kerjasama dengan keterlibatan komuniti melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi teknologi yang memberi impak yang besar kepada kehidupan masyarakat.

8. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri komited dalam merealisasikan Strategi Pembangunan Pasca-COVID-19 2030 (PCDS 2030). Salah satu pemboleh ubah penting dalam PCDS 2030 adalah pendidikan dan pembangunan modal insan. Justeru, bagi menjayakan sasaran tersebut, kerajaan negeri telah merancang untuk menawarkan pendidikan percuma melalui biasiswa Kerajaan Negeri di peringkat universiti dan pusat pengajian tinggi milik kerajaan Sarawak menjelang tahun 2026.

9. Tidak hanya di peringkat Universiti dan Pengajian Tinggi, fokus pembangunan modal insan kelas pertama turut dimulakan di peringkat awal persekolahan. Sehubungan itu, dalam hal ini kerajaan Sarawak sedang berbincang dengan kerajaan pusat untuk mendapatkan autonomi penuh dalam bidang pendidikan. Saya percaya, dasar pendidikan yang stabil serta kemudahan yang baik dapat meningkatkan prestasi pendidikan anak-anak di negeri ini.

10. Dengan autonomi penuh dalam bidang pendidikan, Sarawak akan dapat menyelaraskan pendidikan dengan keperluan setempat, merancang program-program inovatif, dan memberikan peluang yang lebih luas bagi pertumbuhan ilmu dan pengetahuan kepada generasi muda Sarawak. Ini adalah langkah penting untuk memastikan anak-anak kita menerima pendidikan terbaik demi masa depan yang cemerlang.

11. Selain itu, untuk mencapai aspirasi PCDS 2030, adalah jelas bahawa Sarawak memerlukan sejumlah besar profesional yang berkemahiran tinggi. Antaranya, Sarawak memerlukan seramai 500 pakar dalam bidang kejuruteraan, matematik, sains komputer serta kejuruteraan perisian bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi merealisasikan hasrat Kerajaan negeri bagi mencapai status negeri maju menjelang 2030. Dengan adanya tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran tinggi, Sarawak akan memiliki sumber daya manusia yang dapat memacu pertumbuhan

ekonomi, inovasi, dan pembangunan negeri yang mapan.

12. Saya percaya, melalui pelaburan dalam bidang pendidikan dan pembangunan kemahiran, Sarawak sedang membina landasan untuk masa depan yang lebih gemilang. Oleh itu, saya berharap UNIMAS dapat memainkan peranan penting dalam memastikan aspirasi dan impian ini dapat dicapai, terutamanya melalui sumbangan dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.
13. Sarawak kini berada di barisan hadapan dalam peralihan tenaga dengan memanfaatkan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti air, solar dan angin selaras dengan usaha menjana pertumbuhan mampan dan sifar bersih Asia.
14. Negeri Sarawak juga mempunyai keupayaan untuk menawarkan tarif kuasa tanpa subsidi yang paling kompetitif di Asia Tenggara sekaligus menarik negara

luar membuat pelaburan di negeri ini. Baru-baru ini kita turut menawarkan penjualan tenaga boleh diperbaharui yang dijana di Sarawak kepada Singapura.

15. Sarawak juga telah memulakan pengeluaran ammonia hijau, metanol hijau, dan hidrogen hijau yang dijadualkan untuk pengeluaran komersial menjelang 2028.

16. Ini sekaligus menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk mengurangkan pelepasan karbon, menerima penyelesaian tenaga bersih, dan mendorong Sarawak ke era yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Membangunkan sebuah negeri terbesar di Malaysia merupakan suatu cabaran, yang memerlukan kesungguhan, keazaman dan daya fikir yang tinggi.

Cabaran terbesar adalah untuk mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar. Justeru dalam merapatkan jurang ini, kerajaan negeri sedang melaksanakan projek infrastruktur berskala besar seperti rangkaian jalan raya bagi mempercepatkan ekonomi dan pelaburan di kawasan luar bandar yang kaya dengan sumber alam.

18. Pengumuman Sarawak sebagai negeri berpendapatan tinggi oleh Bank Dunia juga adalah berdasarkan statistik data ekonomi, sekali gus memberi petunjuk bahawa ekonomi di negeri ini sedang membangun dengan amat cemerlang. Sarawak turut mencatatkan pendapatan luar daripada jangkakan sebenar bagi tahun kewangan 2022 dengan pendapatan sebanyak RM12 billion, yang merupakan prestasi hasil tertinggi yang pernah dicapai oleh Sarawak.

19. Untuk menyokong pembangunan berterusan di Sarawak, yang meliputi kawasan hampir setara dengan Semenanjung Malaysia, Kerajaan Negeri turut

berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat penerbangan butik di negeri ini yang juga akan beroperasi ke destinasi-destinasi terpilih di rantau Asia. Saya yakin perancangan ini akan memberikan kesan positif kepada sektor pelancongan negeri dengan meningkatkan aksesibiliti ke destinasi-destinasi menarik di Sarawak dan Borneo secara amnya.

20. Selain itu, langkah ini dijangka akan meningkatkan pendapatan negeri melalui pertumbuhan sektor pelancongan dan perdagangan, serta memberikan peluang ekonomi yang lebih luas kepada penduduk tempatan. Penubuhan syarikat penerbangan yang berpangkalan di Sarawak ini juga selaras dengan pertumbuhan pesat di Pulau Borneo yang bakal menjadi tumpuan dunia apabila Ibu Kota Negara (IKN) Indonesia iaitu Nusantara di Kalimantan Timur apabila dibuka kelak. Saya percaya dengan kedudukan geografi yang strategik, Sarawak berpotensi menjadi hub dalam pelbagai bidang kerjasama antara Malaysia dan Indonesia di masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Perkembangan mutakhir yang sedang berlaku dan yang akan datang di negeri Sarawak memerlukan penglibatan aktif semua pihak, terutamanya UNIMAS yang memiliki kepakaran dalam bidang yang sangat relevan untuk pembangunan Sarawak. Saya yakin UNIMAS memiliki potensi untuk menjadi pemangkin utama dalam memajukan ekonomi negeri dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Bumi Kenyalang yang kita cintai ini.

22. Di samping itu, sebagai sebuah universiti yang telah bertapak selama tiga dekad di Sarawak, saya yakin UNIMAS telah melengkapkan para graduan dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk era masa kini. Oleh itu, gunakanlah pengetahuan dan kemahiran ini untuk memajukan keluarga, komuniti, dan negara yang kita cintai ini.

23. Akhir sekali, dengan penuh keikhlasan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada majlis ini. Tahniah dan syabas kepada saudara-saudari yang bakal bergelar graduan, para ibu bapa, warga akademik dan kakitangan UNIMAS atas kejayaan yang penuh bermakna ini.

24. Semoga kejayaan yang kita saksikan pada hari ini, akan menjadi pencetus kepada kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Sekian,

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**